

ISU-ISU SEMASA **ISLAM** **& SAINS**

Penyunting:
Zahari Mahad Musa
Dina Imam Supaat

2018

Isu-isu Semasa ISLAM DAN SAINS

Penyunting:
Zahari Mahad Musa
Dina Imam Supaat

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan

2018

CETAKAN PERTAMA 2018
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Penerbit USIM terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: +06-798 8226/6081 | Faks: +06-798 6083
www.penerbit.usim.edu.my
info.penerbit@usim.edu.my

Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM)

Dicetak di Malaysia oleh:
ZARASA ENTERPRISE
C-7-G, Jalan Jati 9,
Acacia Avenue, Putra Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.
zarasaenterprise@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
ISU-ISU SEMASA ISLAM DAN SAINS / Penyunting:
Zahari Mahad Musa, Dina Imam Supaat
Includes index
ISBN 978-967-440-437-6
1. Islam--Malaysia. 2. Sains-- Malaysia.
I. Zahari Mahad Musa. II. Dina Imam Supaat

<i>Bab 46</i> APLIKASI UMUM AL-BALWA DALAM MENANGANI PENCEMARAN SILANG PRODUK MAKANAN	491
Muhamad Afiq Abd Razak & Mohd Anuar Ramli	
<i>Bab 47</i> TAGHYIR KHALQILLAH DAN TRANSPLAN ANGGOTA BADAN ATAU ORGAN: ANALISIS TERHADAP RESOLUSI DAN FATWA BADAN FATWA TERPILIH	509
Mohammad Naqib bin Hamdan & Mohd Anuar Ramli	
<i>Bab 48</i> HIKMAH PENGGUNAAN TANAH DALAM PELAKSANAAN SERTU: SUATU SOROTAN MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN SAINS	521
Mohd Mahyeddin bin Mohd Salleh & Mohd Nazmi bin Abdul Manaf.....	
<i>Bab 49</i> KESAN MENDENGAR SURAH AL-KAUTHAR TERHADAP GELOMBANG OTAK	531
Norsiah Fauzan & Norazila Aziz.....	
<i>Bab 50</i> KEPENTINGAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH	543
Khairul Azhar bin Meerangani	
<i>Bab 51</i> RUMAH KEDIAMAN BARAKAH DENGAN AL-QUR'AN, SOLAT DAN ZIKIR: HURAIAN AYAT 45 SURAH AL-CANKABŪT (29)	563
Zahari Mahad Musa & Mushaddad Hasbullah	
<i>Bab 52</i> KONSEP BARAKAH DALAM PEMBANGUNAN NEGARA BERLANDASKAN MAQASID AL-SYARI'AH	579
Nur Mohammad Hadi Bin Zahalan & Meryem Abous	
<i>Bab 53</i> KONSEP PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI KAMPUNG BERCIRIKAN MIZAN Ummi Salwa Ahmad Bustamam, Nur Ainna Ramli, Nur Shuhada Kamarudin, Khatijah Othman, Asmaddy Haris, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali & Zulhamizan Ismail.....	587
<i>Bab 54</i> PENDEKATAN IMARAH MASJID MELALUI MEDIUM PELANCONGAN	
Noor Fiteri bin Abdullah & Rita Nurshahrizad binti Mohd Radzi	597
<i>Bab 55</i> ANALISIS SEMANTIK DAN PRAGMATIK TERHADAP FRASA LANUN BUGIS OLEH TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD: ADAKAH IA MENGHINA?	
Abd Ganing Laengkang.....	605
<i>Bab 56</i> TINJAUAN LITERATUR GERAKAN KRISTIANISASI DALAM KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI	
Nur Shafinaz Sabri & Zulkefli Aini.....	621
<i>Bab 57</i> FATWA SEBAGAI MEKANISME PENYATUAN MASYARAKAT	
Abdul Manan Ismail.....	627
<i>Bab 58</i> PENGAMBILKIRAAN POPULASI MASYARAKAT ISLAM DALAM PENETAPAN FATWA KONTEMPORARI: ANALISIS BERASASKAN REALITI MALAYSIA DAN PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA (PRC)	
Mohd Akram bin Dahaman@Dahlan.....	633

Bab 47

TAGHYIR KHALQILLAH DAN TRANSPLAN ANGGOTA BADAN ATAU ORGAN: ANALISIS TERHADAP RESOLUSI DAN FATWA BADAN FATWA TERPILIH

Mohammad Naqib bin Hamdanⁱ & Mohd Anuar Ramliⁱⁱ

ⁱ Calon Pasca Siswazah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. naqib.hamdan@gmail.com; ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. mohdanuar@um.edu.my

PENDAHULUAN

Para saintis sentiasa cuba meningkatkan perkhidmatan rawatan mereka kepada para pesakit melalui pelbagai cara. Antara rawatan terpenting yang pernah ditawarkan dalam sejarah perubatan adalah rawatan transplan anggota badan dan organ manusia yang mampu menyelamatkan nyawa pesakit. Pelbagai organ yang boleh dilakukan proses transplantasi bermula dari anggota badan yang ringkas seperti gigi, tulang dan kulit sehingga ke organ yang kompleks seperti mata, buah pinggang, jantung dan rahim. Malah, pada awal tahun 2018, seorang professor Itali bernama Canavero cuba melakukan transplan kepala di China (<https://www.sde.co.ke/article/2001266397/world-s-first-human-head-transplant-successfully-carried-out>).

Transplan kepala ini boleh dianggap sebagai proses transplan paling rumit kerana melibatkan organ yang paling banyak sel saraf dan sel darah. Pada hari ini, kebanyakan badan fatwa utama dunia telah mengharuskan transplan organ kerana ia memberikan pelbagai manfaat kepada manusia. Namun, menelusuri sejarah hukum mengenai transplan organ, tidak semua ulama bersetuju dengan prosedur ini dengan alasan prosedur ini mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyir khalqillah*), manusia tiada hak ke atas tubuh badan sendiri sehingga membenarkan mereka menderma organ mereka dan prosedur ini menyebabkan pencemaran pada kehormatan manusia (<http://alchourouk.com/157389/687/1-%D8%A7%D9%84%D9%82%D9%87%D8%A1%D8%A7%D8%A1-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%A7%D8%A1%D8%A7%D8%A1-%D8%A8%D9%8A%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%85%D8%A7%D8%A1%D8%A7%D8%A1.html>).

SEJARAH TRANSPLAN ANGGOTA BADAN DAN ORGAN MANUSIA

Dunia sains moden menyaksikan transplan pertama dilakukan pada tahun 1869 iaitu transplan kulit, diikuti transplan kornea mata pada tahun 1906, transplan buah pinggang pada tahun 1954, transplan pankreas pada tahun 1966, transplan hati dan jantung pada tahun 1967, transplan sum-sum tulang pada tahun 1968, transplan tangan pada tahun 1998 dan transplan muka pada tahun 2005 (<https://organdonor.gov/about/facts-terms/history.html>). Transplan darah pula direkodkan lebih awal iaitu pada tahun 1818 (<http://www.organtransplants.org/understanding/history/>).

Kajian pada sirah Nabi SAW pula menunjukkan bahawa Nabi SAW pernah mencadangkan kepada seorang sahabat yang telah kehilangan hidung dalam peperangan supaya menggantikan hidungnya yang terpotong dengan hidung perak. Diriwayatkan oleh 'Abd al-Rahman bin Tarafah mengenai datuknya, 'Arfajah, beliau berkata:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ طَرْفَةَ، أَنَّ جَدَهُ عَرْفَجَةَ بْنَ أَسْعَدَ أُصِيبَ أَنْفُهُ فِي الْجَاهِلِيَّةِ يَوْمَ الْكُلَابِ، فَأَتَخَذَ أَنْفًا مِنْ وَرِقٍ، فَأَتَشَنَّ عَلَيْهِ، فَأَمَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَتَخَذِّ أَنْفًا، يَعْنِي، مِنْ ذَهَبٍ

Terjemahan: Hidung 'Arfajah bin As'ad terputus ketika perang al-Kulab di zaman Jahiliyah. Beliau menggunakan hidung palsu dari perak, tetapi hidungnya membusuk. Lalu Nabi SAW menyuruh beliau menggunakan hidung palsu dari emas (Abu Dawud dalam *Kitab al-Khatim, Bab Ma Ja' fi Rab al-Asnan bi al-Dhahab*, no. hadis 4228).

Hadis ini menunjukkan keharusan kepada lelaki memakai emas jika berada pada tahap *darurah*. Ini kerana, pemakaian emas bagi lelaki adalah haram dan hanya keadaan *darurah* yang boleh mengharuskan perkara haram berdasarkan kaedah fiqh: (الضرورات تبيح المحرّمات). Al-Khattabi berkata: "Hadis ini menunjukkan keharusan kepada lelaki menggunakan emas pada kadar minima dalam keadaan *darurah* seperti memakai gigi palsu emas" (Abadi. 2001: 7/299).

SEJARAH HUKUM TRANSPLAN ORGAN

Pengkaji telah merujuk resolusi dan fatwa berkaitan perubatan oleh sepuluh badan fatwa utama dunia iaitu empat badan fatwa utama peringkat antarabangsa dan enam badan fatwa negara Islam:

- (i) Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah MBI), Mesir,
- (ii) Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali (MFID), Jeddah (OIC),
- (iii) Majma' al-Fiqh al-Islami (MFI), Mekah
- (iv) Al-Majlis al-Urubbi li al-Ifta' (MUIB), Ireland
- (v) Dar al-Ifta' al-Misriyyah (DIM), Mesir,
- (vi) Dar al-Ifta' al-Urduniyyah (DIJ), Jordan
- (vii) Hai'ah Kibar al-'Ulama (HKU) dan Lajnah al-Daimah li al-Fatwa (LDF), Arab Saudi
- (viii) Hai'ah al-'Ammah li al-Fatwa (HAF), Kuwait
- (ix) Dar al-Ifta' al-Filastiniyyah (DIF), Palestin
- (x) Majma' al-Fiqh al-Islami (MFID), India.

Terdapat dua fatwa terawal berkaitan transplan organ, iaitu (i) Pemindahan darah oleh Hasan Ma'mun pada tahun 1959, dan (ii) Transplan mata orang mati kepada orang hidup oleh Hasan Ma'mun pada tahun 1959. Manakala fatwa

berkaitan hukum transplan organ secara umum yang merangkumi semua jenis anggota dan organ telah diputuskan pada tahun 1979 hingga 2013.

Namun begitu, terdapat juga sebahagian pihak yang melarang perbuatan transplan organ ini dengan alasan ia membawa kepada *taghyir khalqillah* seperti al-Shi'awi (<https://www.youtube.com/watch?v=xUUpZ4B2i8c>). Namun begitu, pandangan yang melarang transplan organ menjadi tidak popular pada awal 1980an sehingga kebanyakan ulama mengharuskan transplan organ ini.

Justeru, melihat kepada tahun keputusan fatwa tersebut, pengkaji mendapati ia terlalu lewat berbanding proses transplan organ yang telah dilakukan oleh para doktor (Khalid Tafran. 2017: 92-93). Hal ini perlu diatasi oleh para ulama supaya pemutusan fatwa dibuat selari dengan proses rawatan yang dilakukan.

HIMPUNAN FATWA DAN RESOLUSI BERKAITAN ORGAN TRANSPLAN

Terdapat 8 badan fatwa telah membincangkan isu transplan organ secara umum iaitu MFID, MFI, MUIB, DIM (Mesir), HKU dan LDF (Arab Saudi), HAF (Kuwait), DIF (Palestin) dan MFIH (India) (MFID. 1998: 57-60; MFI, t.t.: 157-160; MUIB. 2013: 53-58; 'Ali Jumu'ah. 2003; al-Fauzan: 336-337; HAF. 1984: 2/252-253; DIF. 2015: 5/84-87; MFIH. 2012: 30-32). Badan fatwa terawal yang membincangkan isu ini adalah Mesir dan Kuwait iaitu pada tahun 1979, diikuti oleh Arab Saudi (1982), MFI (1985), MFID (1988), India (1989), manakala MUIB dan Palestin memutuskan fatwa setelah tahun 2000. Jadual 1 menunjukkan tahun resolusi dan fatwa yang diputus oleh setiap badan fatwa berkaitan serta nombor siri bagi keputusan tersebut:

Jadual 1: Tahun Resolusi dan Fatwa Transplan Anggota Badan atau Organ

Isu	Antarabangsa				Negara Islam Utama					
	MBI	MFID	MFI	MUIB	DIM	DIJ	HKU LDF	HAF	DIF	MFIH
Transplan Anggota Badan atau Organ		1988	1985	2000	(1323) 1979 (739) 2003		(99) 1982 (181) 1996 (20963)	(646) 1979 (3949) 1996 (4283) 1997	(106-1) 2013	3(2/2) 1989

Berdasarkan penelitian awal, pengkaji mendapati semua badan fatwa ini mengharuskan transplan organ secara umum dengan meletakkan syarat-syarat tertentu, namun terdapat sebahagian badan fatwa menambah perbincangan mereka kepada beberapa aspek seperti:

- i. Keharusan transplan organ kepada jenis-jenis tertentu dan larangan pada jenis-jenis lain
- ii. Transplan organ dari penderma yang masih hidup atau sudah meninggal dunia

- iii. Wasiat penderma organ dan peranan wali
- iv. Turutan tertib organ transplan

Seterusnya, pengkaji akan menetili setiap hukum yang diputuskan, hujah dan istidlal yang digunakan dan syarat yang diletakkan oleh setiap badan fatwa ini seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2: Resolusi dan Fatwa Badan Fatwa Dunia Mengenai Transplan Organ

Badan Fatwa	Isu	Hukum, Hujah dan Istidlal	Syarat
MFID	Transplan dari penderma hidup kepada penerima hidup: Transplan antara badan sendiri; kulit dan tulang Transplan berlainan badan: Organ yang melibatkan nyawa Organ tunggal; jantung dan hati Organ berpasang; paru-paru dan buah pinggang ¹ Organ yang tidak melibatkan nyawa Organ yang berperanan besar dan sebaliknya; kornea mata Organ yang boleh membiak dan sebaliknya; darah dan kulit Organ yang membawa genetik dan sebaliknya; testis dan ovum	Harus	Manfaat yang terhasil lebih tinggi dari risiko yang diambil. (النفع أرجح من الضرر) Bertujuan mengembalikan fungsi organ yang rosak, membaiki kecacatan yang menyebabkan mudarat pada fizikal dan mental.
	Haram	Penderma cukup syarat mukallaf	
	Haram	Harus membedah buang organ/ anggota badan yang sakit	
	Harus	Tiada unsur jual beli	
	Transplan dari penderma mati kepada penerima hidup; mati otak dan mati jantung	Harus	Mendapat izin dari penderma ketika masih hidup, atau diberi izin oleh waris atau pemerintah jika penderma tersebut tiada pengenalan diri dan waris.
	Transplan dari janin:	Haram	Melainkan (pengecualian pada tiga keadaan ini): Janin gugur sendiri

¹ Buah pinggang diletakkan di dalam kategori 'organ yang melibatkan nyawa' bukanlah bermaksud melarang menderma buah pinggang secara mutlak, sebaliknya larangan jika penderma menderma buah pinggang sehingga membahayakan nyawa penderma sendiri seperti menderma kedua-dua buah pinggang.

			Janin yang digugurkan Lebih janin (sel) dari persenyawaan luar rahim
MFI	Transplant dari penderma hidup kepada penerima hidup	Harus (Hujah: <i>Maslahah</i> , tidak bertentangan <i>karamah manusia</i> , bantuan atas perkara kebaikan)	Penderma tidak menerima mudarat kesan dari organ yang didermakan, kaedah fiqh: <i>Mudarat tidak boleh dihilangkan dengan mudarat yang sama atau lebih teruk</i> الضرر لا يزال بضرر مثله ولا بأشد (منه) Sukarela menderma Tiada alternatif lain Peratus kejayaan pembedahan yang tinggi
MUIB	MUIB menggunakan resolusi yang telah diputuskan oleh MFID dan MFI namun mereka menambah syarat pada transplant organ.		Tambahan turutan tertib organ untuk transplantasi: Organ dari penderma mati; syarat: penderma mukallaf dan telah memberi izin. Organ haiwan yang boleh dimakan; syarat: keadaan <i>darurah</i> bagi penerima organ. Organ dari badan sendiri. Organ buatan seperti injap jantung mekanikal.
DIM	DIM mengharuskan transplant organ dengan hujah berikut: Saling membantu atas perkara kebaikan dan ketaqwaan. Mengurangkan sakit manusia. Termasuk dalam bab <i>ihya' al-nafs</i> (al-Ma'idah:32). Pengorbanan dan <i>ithar</i> dari penderma (al-Hashr:9). Sedakah jariah selepas mati. Mendahulukan <i>maslahah</i> orang hidup berbanding orang mati. تحمل الضرر الأخف (الجلب مصلحة يكون تفويتها أشد من هذا الضرر) Pembedahan transplantasi tidak termasuk dalam		Jika penderma atau waris penderma meletakkan syarat tertentu pada penggunaan organ yang telah didermakan, maka syarat tersebut wajib dipenuhi. Jika seseorang telah menulis kebenaran menderma organ selepas meninggal dunia, waris tidak boleh membatalkan keizinan ini kerana ia termasuk dalam hukum wasiat. Keadaan <i>darurah</i> atau <i>hajah</i> yang bersanggatan (الحاجة الماسة). Tiada unsur bermain-main (الللاعنة) Pemantauan dan pembedahan oleh 3 orang doktor pakar. Mendapat persetujuan bertulis dari penderma dan penerima untuk menjalani pembedahan. Memberikan manfaat kepada pesakit. Tidak membawa kepada mudarat penderma (bagi penderma hidup) الضرر لا يزال () ضرار ولا ضرار في () لا ضرار ولا ضرار في () الإسلام).

	<p>perbuatan mencemar kehormatan manusia (al-Isra':70).</p> <p>[Hasan Ma'mun menambah, mencemar kehormatan orang yang sudah meninggal dunia hanya berlaku jika pengambilan organ/kornea dilakukan bukan dalam keadaan <i>darurah</i> atau <i>hajah</i> yang bersanggatan (الحاجة الماسة)].</p>		<p>Tiada unsur jual beli atau balasan hadiah kepada penderma.</p> <p>Syarat tambahan bagi penderma yang sudah meninggal dunia:</p> <p>Penderma sudah meninggal dunia secara pasti.</p> <p>Penderma memberi izin organnya diambil selepas kematian dalam keadaan waras dan tanpa paksaan. Malah, penderma tidak boleh menderma semua organnya sehingga menjadikan badannya kosong tanpa sebarang organ kerana ia termasuk dalam perbuatan mencemar kehormatan manusia.</p> <p>Mudarat yang menimpa pesakit lebih tinggi berbanding mudarat yang menimpa penderma kornea yang telah meninggal dunia.</p>
HKU dan LDF	<p>Transplan organ dari penderma hidup muslim atau kafir zimmi</p> <p>Transplan organ dari penderma mati muslim atau zimmi</p>	Harus	<p>Jauh dari risiko Wujud keperluan yang bersanggatan (الحاجة الماسة) atau keadaan <i>darurah</i>.</p>
HAF	<p>Transplan organ dari penderma hidup</p> <p>Organ utama yang melibatkan nyawa; jantung dan paru-paru</p> <p>Anggota utama yang tidak melibatkan nyawa; tangan dan kaki</p> <p>Organ yang tidak melibatkan nyawa; buah pinggang, darah, gigi.</p>	<p>Haram</p> <p>Haram</p> <p>Harus</p>	<p>Mendapat izin penderma</p>
	Transplan organ dari penderma mati	Harus	<p>Pesakit berada dalam keadaan <i>darurah</i> atau <i>hajah</i>.</p> <p>Tiada alternatif lain.</p> <p>Manfaat yang bakal diperolehi penerima organ diyakini.</p> <p>Tiada pencemaran kehormatan pada penderma mati.</p> <p>Keizinan dari penderma ketika masih hidup, atau waris atau pemerintah.</p> <p>Tiada unsur mempermudah (الللاعنة)</p> <p>Tiada unsur jual beli atau perdagangan organ.</p>
DIF	Transplan organ dari penderma hidup	Harus	<p>Pesakit berada dalam keadaan <i>darurah</i>, kaedah fiqh: <i>الضرورات تبيح</i></p>

			<p>المحظورات).</p> <p>Larangan pada organ tertentu seperti: Organ utama yang melibatkan nyawa; jantung, hati² dan paru-paru.</p> <p>Anggota utama</p> <p>Memburukan bentuk fizikal manusia/penderma.</p> <p>Menyebabkan pemindahan maklumat genetik.</p> <p>Penderma sudah mukallaf dan berakal</p> <p>Sukarela menderma.</p> <p>Tiada unsur jual beli</p>
	Transplan organ dari penderma mati	Harus	<p>Penderma sudah mati secara pasti.</p> <p>Penerima berada dalam keadaan berisiko jika proses transplantasi tidak dilakukan.</p> <p>Penderma telah memberikan wasiat dalam keadaan waras tanpa unsur jual beli.</p> <p>Waris memberikan kebenaran, turutan waris berdasarkan bapa (الأبُوَةَ), anak-anak (البَنْوَةَ), adik beradik (الأخْوَةَ) dan pakkik sebelah bapa (العَوْمَةَ).</p> <p>Tiada membawa kepada pencemaran maruah penderma seperti mengambil semua organ.</p> <p>Tidak membawa kepada pertikaian antara yang terlibat dengan proses transplan organ ini.</p>
MFIH	Transplan organ penderma hidup	Harus	<p>Pesakit memerlukan proses transplantasi dilakukan; berada dalam keadaan <i>hajah</i>.</p> <p>Tiada unsur jual beli, namun harus membeli organ dalam keadaan <i>darurah</i> (tetapi masih haram menjual organ dalam keadaan <i>darurah</i>).</p> <p>Tiada alternatif lain</p> <p>Turutan tertib organ:</p> <p>Organ buatan.</p> <p>Menggunakan organ haiwan yang halal dimakan.</p> <p>Menggunakan organ haiwan yang haram dimakan atau haiwan halal dimakan tetapi tidak disembelih</p>

² Hati tidak membahayakan nyawa penderma jika pendermaan hati melibatkan sebahagian kecil dari hati penderma.

			dalam keadaan <i>darurah</i> .
	Transplan organ penderma mati	Haram Transplan organ tidak boleh dijadikan wasiat, maka penderma yang mengizinkan organnya diambil selepas mati, tidak boleh diambil organnya.	

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 2 menunjukkan ringkasan atau teks fatwa setiap badan fatwa berkenaan isu transplan anggota badan atau organ. Setiap badan fatwa menggunakan hujah yang pelbagai; sama ada dari hadis, *qawa'id fiqh*, hujah akal atau pertimbangan *maqasid* antara *maslahah* dan *mafsadah*. Selain itu, pelbagai syarat diletakkan oleh lapan badan fatwa ini demi menjaga *maslahah* pesakit dan penderma.

ANALISIS RESOLUSI DAN FATWA

Jadual 2 menunjukkan kepelbagaiannya hujah yang digunakan oleh badan fatwa ini. Ringkasan hujah dan syarat semua badan fatwa ini boleh dilihat dalam Jadual 3:

Jadual 3: Ringkasan Hujah dan Syarat yang Diletakkan Berkaitan Transplan Organ

Hujah yang digunakan	Al-Qu'an	وَمِنْ أَحِيَّاهَا فَكَانُوا أَخْيَا النَّاسِ جَمِيعًا Surah al-Ma'ida: 32
		وَيُؤْتَرُونَ عَلَى أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ Al-Hashr: 9
	<i>Qawa'id Fiqh</i>	النفع أرجح من الضرر
		الضرر لا يزال بضرر مثله ولا باشد منه
		لا ضرر ولا ضرار في الإسلام
		تحمل الضرر الأخف لجلب مصلحة يكون تقويتها أشد من هذا الضرر
		الضرورات تبيح المحظورات
	Maqasid	Menjaga <i>maslahah</i> pesakit, sama ada pesakit berada dalam keadaan <i>hajah</i> atau <i>darurah</i>
		Mendahulukan <i>maslahah</i> orang hidup berbanding orang mati
	Akal	Membantu atas perkara kebaikan
		Sedekah jariah
		Tidak mencemar kehormatan manusia
		Mengurangkan sakit pesakit


	Tujuan	Bertujuan (i) mengembalikan fungsi dan (ii) membaiki kecacatan
Syarat keharusan	Syarat penderma	<p>Jika masih hidup, penderma mestilah (i) <i>mukallaf</i>, (ii) menderma organ dengan sukarela tanpa paksaan.</p> <p>Jika penderma sudah meninggal dunia, penderma mestilah (i) dipastikan sudah meninggal dunia, (ii) sudah menandatangani persetujuan semasa hidup, (iii) tidak boleh mendermakan keseluruhan organ kerana ia termasuk dalam perbuatan mencemar kehormatan penderma.</p> <p>Bagi isu kuasa waris untuk membatalkan persetujuan menderma organ oleh penderma yang sudah meninggal dunia, terdapat dua pandangan yang mengatakan waris mempunyai kuasa membatalkan persetujuan tersebut manakala pandangan kedua tidak membenarkan waris membatalkan persetujuan tersebut.</p> <p>Terdapat juga ulama yang tidak mengiktiraf langsung wasiat untuk menderma organ selepas meninggal dunia.</p>
	Kuasa waris	<p>Bagi ulama yang memberikan waris (<i>wali</i>) kuasa membatalkan keputusan penderma selepas dia meninggal dunia, berikut adalah turutan wali dalam membuat keputusan:</p> <p>Bapa dan ke atas (الأبوة)</p> <p>Anak dan ke atas (البنوة)</p> <p>Adik beradik dan ke atas (الأخوة)</p> <p>Bapa saudara dan ke atas (العمومة)</p>
	Elemen paksaan	Tiada unsur paksaan dalam proses transplan organ, khususnya kepada penderma
	Elemen bermain-main	Keputusan melakukan pembedahan transplan organ mestilah dilakukan secara serius, bukan bermain-main atau bereksperimen.
	Sumber organ	<p>Organ tidak diambil dari sumber haram seperti (i) organ diambil secara paksa dari penderma, (ii) diambil dari janin yang masih hidup atau digugurkan dengan sengaja.</p> <p>Organ yang didermakan tidak memindahkan maklumat genetik kepada pesakit yang menerima organ seperti testis dan ovum.</p> <p>Organ bukan <i>aurat mughallazah</i> seperti faraj dan zakar. Manakala keharusan pemindahan rahim berlaku <i>khilaf</i> antara ulama.</p>
	Unsur jual beli	Tiada unsur jual beli organ, namun dalam keadaan <i>darurah</i> harus membeli organ namun hukum haram masih sama dalam keadaan <i>darurah</i> .
	Pengurusan	Manfaat yang terhasil dari proses transplan organ lebih

	risiko	baik dari risiko yang akan dihadapi oleh pesakit semasa dan selepas proses pembedahan dilakukan.
	Kelayakan doktor	Doktor yang melakukan proses transplan mestilah berkelayakan di samping perlu mendapat pantauan dan pengesahan dari tiga orang doktor pakar
	Turutan Organ	<p>Terdapat dua pandangan mengenai turutan organ:</p> <p>Organ diambil dari (i) penderma mati, (ii) organ haiwan, (iii) organ dari badan sendiri, dan (iv) organ mekanikal.</p> <p>Organ diambil dari (i) organ mekanikal, (ii) organ haiwan halal dimakan, (iii) organ haiwan haram dimakan.</p>
	Alternatif lain	Tiada alternatif lain selain pembedahan atau alternatif lain yang kurang berkesan berbanding pembedahan transplan organ.

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan Jadual 3, pengkaji mendapati hukum ini termasuk dalam kategori pengubahan ciptaan Allah SWT (*taghyir khalqillah*) namun para ulama membahagikan ia kepada tiga kategori utama dengan melihat kepada pertimbangan *maqasid al-shari'ah* iaitu *taghyir daruri*, *taghyir haji* dan *taghyir tahsini*. Manakala *taghyir tahsini* pula dibahagikan kepada enam ciri utama iaitu; (i) bentuk, (ii) sumber, (iii) teknik, (iv) kesan, (v) tujuan, dan (vi) lain-lain. Berikut adalah carta kepada dapatan tersebut:


Carta 1: Pecahan *taghyir khalqillah* berdasarkan turutan *maqasid*



Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan carta 1, para ulama mengharuskan *taghyir khalqillah* pada tahap *daruri* dan *haji* manakala *taghyir khalqillah* yang berada pada tahap *tahsini* pula perlu dinilai berdasarkan enam ciri dalam carta 2:

Carta 2: *Taghyir Khalqillah Tahsiniyyah*



Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan Carta 2 pula, pengkaji mendapati keperluan untuk melakukan kajian seterusnya yang memperincikan setiap ciri ini disebabkan kemampuannya menjadi penentuan dalam pemutusan hukum sesuatu perbuatan *taghyir khalqillah* termasuklah transplan organ.

PENUTUP

Para saintis sentiasa berusaha meningkatkan rawatan perubatan namun tidak semua rawatan tersebut bermanfaat kepada manusia kerana berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh The British Medical Journal (BMJ) pada tahun 2007 selepas menilai 2500 bentuk rawatan, mereka membuat kesimpulan seperti berikut:

Jadual 4: Jadual Tahap Manfaat Penemuan Perubatan

13 % rawatan bermanfaat
23 % rawatan mungkin bermanfaat
8 % rawatan bertembung antara manfaat dan mudarat
6 % rawatan mungkin tidak bermanfaat
4 % rawatan tidak memberikan kesan atau mungkin memberikan mudarat
46 % rawatan masih belum diketahui statusnya

Sumber: British Medical Journal, 'BMJ Clinical Evidence 2007'

Malah, terdapat banyak lagi prosedur perubatan yang masih belum diputuskan kedudukannya secara tuntas oleh para ulama kontemporari. Hal ini penting kerana setiap muslim percaya Islam adalah agama terbaik yang sentiasa sesuai sepanjang zaman dan salah satu dari ciri kesesuaian tersebut adalah respon segera dari perspektif hukum Islam bagi sebarang perkembangan yang signifikan dalam tamadun manusia.

RUJUKAN

- Abadi, Abu al-Tayyib Muhammad Shams al-Haqq al-'Azim. (2001), *'Awn al-Ma'bud*, dicetak bersama al-Jawziyyah, al-Hafiz Shams al-Din Ibn Qayyim, *Ta'liqat Ibn Qayyim*, ed. 'Isam al-Din al-Sabbabti. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Fauzan. (2014). *Al-Fatawa al-Muta'alliqah bi al-Tibb wa Ahkam al-Marda*. Riyad: al-Ri'asah al-'Ammah li al-Buhuth wa al-Ifta'.
- DIF. (2015). *Mukhtarat min Qararat Majlis al-Ifta' al-A'la*. Al-Quds: DIF.
- HAF. (1984). *Majmu'ah al-Fatawa al-Shar'iyyah*. Kuwait: HAF, 1984.
- Khalid Tafran. (2017). *Religious barriers to head transplantation: An Islamic viewpoint*. *International Journal of Surgery*, Vol. 43, 92-93.
- MFI. (t.t.) *Qararat al-Majma' al-Fiqhi al-Islami bi al-Makkah al-Mukarramah*. Mekah: MFI.
- MFID. (1998). *Qararat wa Tausiyyat Majma' al-Fiqh al-Islami*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- MFIH. (2012). *Qararat wa Tausiyyat Majma' al-Fiqh al-Islami bi al-Hind*. India: MFIH.
- MUIB. (2013). *Al-Qararat wa al-Fatawa al-Sadirah 'an al-Majlis al-Urubbi li al-Ifta' wa al-Buhuth*. Ireland: MUIB.

Internet

- Transplant pertama kepala manusia.
<https://www.sde.co.ke/article/2001266397/world-s-first-human-head-transplant-successfully-carried-out> (diakses pada 20 Januari 2018).
- Pandangan ulama tentang transplan organ. <http://alchourouk.com/157389/687/1-اخلاف-الفقهاء-في-التبرع-بالأعضاء-بين-الحرمة-والإباحة.html> (diakses pada 20 Januari 2018).
- Sejarah transplan organ. <https://organdonor.gov/about/facts-terms/history.html> (diakses pada 20 Januari 2018).
- Larangan transplan organ oleh al-Shi'rawi.
<https://www.youtube.com/watch?v=xUUpZ4B2i8c> (diakses pada 20 Januari 2018).
- Hukum transplan organ oleh 'Ali Jumu'ah. <http://dar-alifta.org.eg/AR/ViewFatwa.aspx?ID=11823&LangID=1&MuftiType=0> (diakses pada 7 Disember 2017).
- Laporan Klinikal BMJ 2007. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/issues/190094/> (diakses pada 7 Disember 2017).
- Hakikat sebenar rawatan moden. http://www.huffingtonpost.com/dana-ullman/how-scientific-is-modern_b_543158.html (diakses pada 7 Disember 2017).

ISU-ISU SEMASA ISLAM & SAINS

Islam menggalakkan tradisi berfikir, mengkaji dan berkreatif kepada setiap umatnya. Tradisi "lita'arafu" iaitu "untuk kamu mengenali" telah menjadi tunjang suburnya sikap terbuka untuk memperkongsikan aspek-aspek positif tamadun lain dan merentasi pelbagai disiplin ilmu. Sains seharusnya menjadi jambatan untuk menyedari tentang

kebesaran Allah SWT. Sehebat manapun penemuan sains, ia tidak setanding dengan kebesaran dan ketinggian Allah SWT. Saintis yang berjaya sewajarnya berupaya mengadunkan 'high-tech' (teknologi canggih) dengan 'high-touch' (nilai kemanusiaan yang tinggi) supaya manfaat besarnya dapat dikongsi bersama. Buku ini dihasilkan bersempena Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2018 pada 8 Februari 2018 anjuran bersama Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia (PKAUSIM) dan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD) iaitu hasil kompilasi makalah-makalah yang dibentangkan. Tema "Barakah" telah diangkat dalam penganjuran seminar kali ini dengan harapan untuk mencapai kehidupan yang barakah melalui gabungan pendekatan Islam dan sains. Penerbitan buku ini membincangkan pelbagai isu semasa tentang Islam dan Sains yang meliputi sub-tema pengajaran dan pembelajaran, kehartaan, kekeluargaan, sains al-Quran dan hadis, persekitaran dan kemasyarakatan serta perundangan.



Penerbit
USIM PRESS

ISBN 978-967-440-437-6



9 789674 404376

<http://penerbit.usim.edu.my>